

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 30 JULAI 2018 (ISNIN)

SOALAN : 30

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan kelulusan permohonan rangkaian Transit Aliran Ringan (LRT) fasa pertama Pelan Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang dihantar sejak tahun 2016. Nyatakan sebab sekiranya ia masih belum mampu diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan dan SPAD mengalu-alukan usaha kerajaan negeri Pulau Pinang dalam merancang dan melaksanakan pembangunan kemudahan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Untuk makluman Dewan, Skim Kereta Api Projek LRT negeri Pulau Pinang telah dikemukakan kepada SPAD pada 29 Mac 2016. Berikutan penerimaan Skim Kereta Api tersebut, pihak SPAD telah mengadakan kajian penjajaran dan teknikal. SPAD meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengemukakan maklumat lanjut berkenaan kajian kebolehlaksanaan projek tersebut dan susulan itu kerajaan negeri memberi maklum balas pada 9 Mei 2016 dengan mengemukakan laporan-laporan seperti berikut: -

1. *South Reclamation Scheme Request Proposal*
2. *Ridership & Forecasts & Economic Appraisal*
3. *Railway Systems Section of the Railway Scheme*
4. *Macro Alignment Options Study Report.*

Dua (2) mesyuarat telah diadakan iaitu pada 6 Oktober 2016 antara pihak SPAD dengan kerajaan negeri yang diwakili oleh EXCO Pengangkutan dan diikuti oleh mesyuarat pada 8 November 2016 antara SPAD dan kerajaan negeri yang diwakili Setiausaha Kerajaan Negeri. SPAD menyimpulkan dengan mengemukakan surat bertarikh

30 November 2016 kepada kerajaan negeri Pulau Pinang, memohon untuk mengemukakan perkara berikut: -

1. SPAD memerlukan kelulusan bagi kajian '*Detailed Environment Impact Assessment*' (DEIA) dikemukakan sebagai pra-syarat kepada SPAD untuk mempertimbangkan kelulusan Skim Kereta Api.
2. SPAD juga memerlukan kelulusan Majlis Pembangunan Fizikal Negara untuk '*Penang South Reclamation*' (PSR) dikemukakan memandangkan lokasi depoh terletak di 'island A' di dalam PSR.

SPAD berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mendapatkan kedua-dua kelulusan tersebut dari pihak berkuasa supaya permohonan kepada SPAD untuk meluluskan pembangunan Skim Kereta Api Projek LRT di Pulau Pinang di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dapat diprose secepat mungkin.